

25/12/1997

Kakak ipar Mahathir meninggal dunia

SUNGAI PETANI, Rabu - Kakak ipar Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meninggal dunia kira-kira jam 10.50 malam semalam di Hospital Pakar Metro di sini kerana diserang angin ahmar.

Allahyarham Habsah Long, 78, yang meninggalkan suaminya, Mahadi Mohamad, 83, dan enam anak, termasuk empat perempuan dimasukkan ke hospital itu sejak Sabtu lalu kerana diserang angin ahmar.

Perdana Menteri dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali menziarahi Habsah di hospital itu, Isnin lalu.

Jenazah Allahyarham dikebumikan di tanah perkuburan Islam Kampung Penghulu Him, kira-kira jam 12.30 tengah hari semalam.

Saudara-mara Dr Mahathir dan beberapa kenamaan negeri turut menziarahi Allahyarham.

(END)